

# Lebih 4,400 graduan UMS terima ijazah pada Konvo Ke-13

NS7 27.11.2011 3

OLEH MARRYAN RAZAN  
(marrayan@newsabahtimes.com.my)

**KOTA KINABALU:** Seramai 4,484 graduan iaitu 2,847 wanita dan selebihnya lelaki menerima ijazah dalam Konvo kes-13 Universiti Malaysia Sabah (UMS), selama tiga hari bermula kelmarin.

Pada majlis itu bekas Canselor UMS dan Yang di-Pertua Negeri Sabah Tun Ahmadshah Abdullah dianugerahkan Ijazah Kehormatan Doktor Falsafah Dalam Bidang Sosiologi Organisasi.

Turut menerima anugerah ialah Datuk Mohd Yaman Ahmad Mus yang menerima Ijazah Sarjana Kehormatan Dalam Bidang Seni Visual.

Daripada jumlah penerima ijazah pada majlis konvokesyen itu, seramai 290 graduan pascasiswazah termasuk 16 graduan doktor falsafah (PHD), seramai 4,135 graduan prasiswazah dan penerima diploma 59 orang.

Manakala jumlah pelajar antarabangsa pula ialah 77 orang iaitu 66 graduan prasiswazah dari China dan seorang dari Brunei, tiga graduan Doktor Falsafah dari Algeria, India dan In-

donesia, tujuh graduan sarjana iaitu seorang dari Bangladesh, India, Indonesia, Jepun, Pakistan dan dua dari China.

Penganugerahan ijazah pada sidang pertama (pagi) disampaikan oleh Yang Di Pertua Negeri Tun Juhar Haji Mahiruddin.

Terdahulu itu ketika berucap Tun Juhar berkata, tugas universiti bukan terbatas kepada penyampaian ilmu daripada ilmuwan kepada kepada para siswi siswa sehingga merai ijazah tetapi juga berperanan menyumbang kepada perkembangan kemajuan dunia dan kelestarian alam.

"Justeru itu, para ilmuwan telah membahagikan masa mereka secara saksama kepada pengajaran serta satu bidang yang amat penting iaitu penyelidikan, penciptaan dan inovasi. Sesuatu tamadun itu akan dapat bertahan jika ilmu yang dipunyai oleh para warganya dapat dimanfaatkan menerusi gaya hidup moden, berteknologi, teratur dan murni," katanya.

Katanya lagi, kejayaan para graduan memperoleh ijazah adalah sebahagian daripada keperluan untuk mencapai kejayaan yang lebih



SEBAHAGIAN daripada penerima Doktor Falsafah dalam bidang masing-masing iaitu dari kanan, Abdul Said Ambotang, Ananglangka Mad Kassim, Anuar Din, Hamimah Talib dan Ismail Abd Rahman. - GAMBAR JABATAN PENERANGAN

besar pada masa hadapan.

"Kemampuan untuk menyesuaikan diri serta aplikasi ilmu yang diperolehi oleh para graduan amat penting untuk menentukan kejayaan berterusan dalam persaingan pasaran pekerjaan.

"Ini kerana globalisasi telah dan sedang mengubah cara berfikir, beraksi dan bertindak balas yang memerlukan ketahanan diri dan mental bagi mengharunginya," katanya.

Tun Juhar berkata, di samping mempunyai ilmu pengetahuan para graduan juga perlu mempertingkatkan soft skills iaitu kemahiran berkomunikasi, berurusan secara diplomasi serta mengekalkan budaya Malaysia yang berbudi pekerti.

"Namun mengamalkan nilai budaya yang murni tidak bermaksud kita sanggup dibuli,

kerana maruah dan jatidiri kita harus sentiasa dipertahankan, namun sikap kehalusan dan ketangsaan berbahasa, kehalusan berfikir dan kekerasan bertindak hendaklah dijalin melalui konsep asuhan budi seperti yang terkandung dalam ajaran agama," katanya.

Beliau berkata, dalam konteks lain pula, kajian telah membuktikan bahawa kriteria penting dalam pengambilan siswazah sebagai tenaga kerja adalah bergantung kepada pengalaman, etika dan penguasaan bahasa-bahasa asing terutama Bahasa Inggeris.

Oleh itu katanya, jika ingin mempertahankan kemajuan dalam era globalisasi, pergaulan dengan bangsa-bangsa lain hendaklah maju kerana penguasaan bahasa adalah kunci pengekaln kemajuan.